

**NO. SOALAN: 86**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 12 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6860**

**SOALAN:**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Pekeliling Imigresen Malaysia bertarikh 27 Julai 1984 yang mengecualikan orang bukan warganegara atau bukan warga Sabah daripada mempunyai dokumen sah apabila memasuki Sabah dalam perjalanan terus dari Wilayah Persekutuan Labuan akan ditarik balik dan kedaulatan Imigresen Sabah dikembalikan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Pekeliling Imigresen Malaysia bertarikh 27 Julai 1984 menjelaskan mana-mana warganegara Malaysia yang berasal dari Labuan atau Sabah boleh memasuki Sabah hanya dengan membawa dan mengemukakan Kad Pengenalan. Bagi bukan warganegara, mereka mesti memiliki dokumen perjalanan atau pasport tertakluk di bawah Seksyen 2 Akta Pasport 1966. Kebenaran kemasukan bukan warganegara mahupun bukan warga Sabah ke Sabah melalui W.P Labuan masih tertakluk dengan Kuasa-kuasa Am Pihak Berkuasa Negeri seperti yang termaktub di bawah Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63.**

**Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik pekeliling ini.**